

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN JURUBAHASA

1. SKIM PERKHIDMATAN

Jurubahasa Gred LA19, LA22, LA26, LA26, LA29/30, LA32, LA38, LA40

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Mahkamah/ Mahkamah Persekutuan/ pelbagai Jabatan.

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menterjemah kes-kes dalam mahkamah terbuka dan kamar hakim, mencatat/ merekod prosiding atau keputusan kes-kes di dalam fail-fail yang telah dibicarakan, mengemaskinikan Buku Eksibit dan Diari Mahkamah, menyediakan laporan harian/ bulanan serta memastikan dan menyediakan fail-fail kes sebelum dihantar kepada Hakim.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Aspek Penterjemahan/ Perundangan

- a. Menterjemah kes-kes kepada pesalah, saksi, peguam dan hakim yang memerlukan penterjemahan.
- b. Membaca kertas tuduhan, fakta kes, laporan akhlak dan dokumen-dokumen lain kepada pesalah/ tertuduh dalam bahasa yang difahaminya semasa mahkamah bersidang.
- c. Menyebut atau memanggil kes-kes untuk bicara, sebutan dan jatuh hukum serta menetapkan tarikh baru bagi kes-kes tersebut.
- d. Mengambil ikrar dan mendapatkan butir-butir peribadi saksi semasa perbicaraan di mahkamah terbuka.

4.2 Aspek Perkeranian

- a. Menerima dan mendaftar kes-kes baru dalam Buku Daftar Mahkamah dan mencatat butir-butir kes ke dalam Buku Harian, Diari Mahkamah dan Buku Eksibit.
- b. Menyediakan Laporan Harian Mahkamah.
- c. Menguruskan kertas pertuduhan bagi kes yang telah diselesaikan di dalam fail-fail siri akhir.

- d. Menerima serta menguruskan dokumen fail rayuan.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Rakan sekerja di bahagian/ unit yang sama.
- b. Kakitangan lain di bahagian lain di dalam organisasi yang sama

Luaran

- a. Orang awam/ agensi kerajaan.
- b. Firma guaman.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat/ mahkamah.

7. KEMAMPUAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Berpengetahuan mengenai akta/ undang-undang yang berkaitan.
- b. Berkebolehan menguasai pelbagai bahasa/ dialek.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Bertanggungjawab, amanah serta sabar.
- b. Berupaya menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja yang melibatkan urusan mahkamah/ perundangan.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Tekanan (*stress*).

Sumber : Lampiran C Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 32 Tahun 2005.